

**Islam Adalah Agama Yang Menganjurkan Kasih Sayang Sesama Manusia - Najib  
Bernama  
28 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan umat Islam supaya meyakini bahawa Islam sebagai agama syumul (bersifat menyeluruh), yang menjadi tatacara kehidupan, adalah agama yang menganjurkan kasih sesama manusia.

Perdana menteri berkata sifat kasih sayang yang disemai dalam diri itu menjadi asas kepada kesatuan dan perpaduan ummah, yang merangkumi rakyat Malaysia keseluruhannya.

"Kasih sayang dalam Islam tidak mengenal sama ada seseorang itu Muslim atau sebaliknya.

"Kepimpinan Rasulullah SAW sebagai model pemimpin teragung membuktikan bahawa kesatuan dan perpaduan dalam kepelbagaian kaum dan agama mampu dicapai melalui penyemaian kasih sayang dalam kalangan ummah," katanya dalam perutusan sempena Program Dakwah Negara Tahun 2014.

Dalam perutusan itu, Najib turut mengingatkan umat Islam supaya sentiasa menjaga kasih sayang dalam kesatuan dan perpaduan ummah. bagi mengelakkan negara daripada menjadi porak-peranda.

Sejak akhir-akhir ini, katanya, kemelut perpecahan dalam kalangan ummah nampaknya semakin berkembang seolah-olah menggambarkan bahawa kasih sayang semakin diketepikan dalam mendepani isu-isu.

"Perbezaan kadangkala sengaja diperbesarkan bahkan disemarakkan dengan api kebencian dan nilai prejudis sesama kita.

"Sekiranya dibiarkan berterusan, bukan sahaja ikatan kesatuan dan perpaduan ummah mampu terlerai, bahkan negara bakal berdepan dengan porak-peranda," katanya.

Najib berkata program Dakwah Negara 2014 dengan tema 'Kasih Sayang Disemai, Perpaduan Dituai' bertujuan menzahirkan Islam sebagai agama yang menganjurkan kasih sayang sebagai asas kesatuan dan perpaduan ummah.

Istilah ummah, katanya, pertama kali digunakan dalam pembentukan Piagam Madinah oleh Nabi Muhammad SAW bagi menyatukan seluruh bangsa, tidak kira Arab mahupun Yahudi bukan Islam yang tinggal di Madinah ketika itu.

"Teras kepada penyatuan dan perpaduan ummah di Madinah adalah kasih sayang atau mahabbah yang didasari dengan kefahaman mengenai hak dan tanggungjawab setiap warga terhadap

negaranya," kata perdana menteri.

Najib berharap program yang diatur dalam Program Dakwah Negara akan memberi ruang dan peluang terbaik kepada umat Islam untuk bersama-sama meningkatkan kesedaran, kefahaman dan penghayatan Islam sebagai agama kasih sayang demi kesatuan dan perpaduan ummah.

Beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) dan semua agensi kerajaan serta majlis dan jabatan agama Islam negeri-negeri yang berpadu tenaga menganjurkan program dakwah negara 2014.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1025822>